

MENGANGKAT IHSAN SEBAGAI LANDASAN KEADILAN DAN KESEJAHTERAAN DALAM MASYARAKAT MADANI

UPHOLDING IHSAN AS THE FOUNDATION OF JUSTICE AND WELL-BEING IN A CIVIL SOCIETY

Azman Che Mat^{*1}
Azarudin Awang²

¹Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia (E-mail: azman531@uitm.edu.my)

² Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia (E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

*Corresponding author: azman531@uitm.edu.my

Article history

Received date : 12-5-2025

Revised date : 12-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Che Mat, A., & Awang, A. (2025). Mengangkat ihsan sebagai landasan keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat madani. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 424 - 435.

Abstrak: Artikel ini meneliti konsep Ihsan dan penerapannya dalam masyarakat, dengan merujuk kepada sumber etimologi, karya sarjana Islam, dan aplikasinya dalam konteks Nusantara. Ihsan, sebagai salah satu konsep dasar dalam Islam, melangkaui sekadar perbuatan baik individu dan merangkumi nilai moral serta etika yang memberi kesan kepada kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Kajian ini menggariskan bahawa Ihsan berfungsi sebagai tunjang dalam pembangunan masyarakat adil, seimbang, dan makmur seperti yang ditekankan dalam konsep MADANI di Malaysia. Melalui analisis karya tokoh seperti al-Farabi dan Ibn Khaldun, artikel ini membuktikan bahawa Ihsan berperanan penting dalam memastikan kestabilan dan kesejahteraan tamadun. Al-Farabi mengaitkan Ihsan dengan pembangunan moral individu dalam negara utama (*al-Madinah al-Fadilah*), manakala Ibn Khaldun menekankan kepentingan akhlak sebagai asas kelangsungan sesbuah peradaban. Dalam konteks Malaysia dan Indonesia, Ihsan menjadi komponen utama dalam gagasan Masyarakat Madani yang diasaskan oleh Anwar Ibrahim dan Azyumardi Azra, dengan penekanan terhadap keadilan sosial, perpaduan nasional, dan integriti. Penerapan konsep Ihsan dalam masyarakat merangkumi aspek sosial, ekonomi, dan politik. Dari sudut sosial, Ihsan mendorong empati dan keprihatinan terhadap golongan memerlukan, manakala dari perspektif ekonomi dan politik, Ihsan menjadi landasan dalam pembentukan dasar awam yang adil dan inklusif. Artikel ini turut menekankan bahawa kemerosotan nilai Ihsan boleh membawa kepada ketidakadilan, rasuah, dan ketidakseimbangan sosial. Kesimpulannya, Ihsan bukan sahaja prinsip spiritual tetapi juga instrumen praktikal dalam membina masyarakat yang harmoni dan berdaya tahan. Melalui penerapan Ihsan dalam dasar dan pendidikan, masyarakat dapat mencapai keseimbangan antara pembangunan material dan spiritual, seterusnya memastikan pembangunan negara yang holistik dan lestari.

Kata Kunci: Ihsan, MADANI, Keadilan, Perpaduan, Tamadun

Abstract: This article explores the concept of *Ihsan* and its application within society, referring to etymological sources, the works of Islamic scholars, and its relevance in the context of the Malay Archipelago. *Ihsan*, as one of the fundamental concepts in Islam, goes beyond individual acts of kindness and encompasses moral and ethical values that influence societal and national life. This study outlines that *Ihsan* serves as a cornerstone in developing a just, balanced, and prosperous society, as emphasized in the MADANI concept in Malaysia. Through the analysis of prominent figures such as al-Farabi and Ibn Khaldun, the article demonstrates that *Ihsan* plays a crucial role in ensuring the stability and well-being of civilizations. Al-Farabi links *Ihsan* with the moral development of individuals within the ideal state (*al-Madinah al-Fadilah*), while Ibn Khaldun highlights the importance of morality as the foundation for the survival of a civilization. In the context of Malaysia and Indonesia, *Ihsan* is a key component in the vision of Masyarakat Madani (Civil Society) as advocated by Anwar Ibrahim and Azyumardi Azra, with an emphasis on social justice, national unity, and integrity. The application of the concept of *Ihsan* in society spans social, economic, and political dimensions. From a social perspective, *Ihsan* encourages empathy and concern for the underprivileged, while from economic and political perspectives, it provides a foundation for the formulation of fair and inclusive public policies. The article also stresses that the decline of *Ihsan* values can lead to injustice, corruption, and social imbalance. In conclusion, *Ihsan* is not only a spiritual principle but also a practical instrument in building a harmonious and resilient society. Through the integration of *Ihsan* into policy-making and education, society can achieve a balance between material and spiritual development, thereby ensuring a holistic and sustainable nation-building process.

Keywords: *Ihsan*, MADANI, Justice, Unity, Civilization

Pendahuluan

Ihsan merupakan salah satu konsep penting dalam Islam yang melangkaui sekadar perbuatan baik secara peribadi. Konsep ini mencakupi nilai-nilai moral dan etika yang diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Di Malaysia, *Ihsan* telah diangkat sebagai salah satu tonggak dalam konsep MADANI yang digariskan oleh kerajaan, seperti yang dihuraikan oleh Anwar Ibrahim dalam bukunya *Membangun Negara Madani*. Dalam buku tersebut, Anwar menyatakan bahawa nilai-nilai *Ihsan* bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih adil, seimbang, dan makmur, di mana prinsip moral diterapkan seiring dengan pembangunan ekonomi dan politik negara (Anwar Ibrahim, 2023). Hal ini bermakna *Ihsan* bukan hanya terbatas pada hubungan individu dengan Tuhan, tetapi juga merangkumi hubungan individu dengan masyarakat secara keseluruhan.

Konsep *Ihsan* turut diperkuuh dalam kerangka pemikiran sarjana Islam seperti Al-Farabi dan Ibn Khaldun. Al-Farabi, misalnya, mengaitkan nilai moral seperti *Ihsan* dengan pembinaan *al-Madinah al-Fadilah*, iaitu "negara utama" yang bertujuan melahirkan individu yang berakhlik mulia dan berupaya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat (Hosseini, 2013). Ibn Khaldun pula dalam karya agungnya *Muqaddimah* menekankan peranan akhlak, termasuk *Ihsan*, sebagai asas kepada kestabilan sesebuah tamadun (Rosenthal, 2005). Oleh itu, *Ihsan* dapat dilihat sebagai prinsip menyeluruh yang menjamin keseimbangan antara pembangunan material dan spiritual dalam sesebuah negara. Dalam konteks Nusantara, gagasan Masyarakat Madani yang turut berlandaskan konsep *Ihsan* telah dibincangkan secara mendalam oleh tokoh seperti Azyumardi Azra di Indonesia dan Anwar Ibrahim di Malaysia. Azra mengaitkan Madani dengan nilai-nilai Islam yang progresif, demokratik, dan inklusif (Budiarto, 2020). Manakala Anwar Ibrahim pula menekankan bahawa *Ihsan* adalah kunci kepada pembentukan masyarakat

yang berintegriti dan berkeadilan, di mana kepelbagaian budaya diraikan dalam kerangka perpaduan nasional (Zulfiani, 2008). Kedua-dua pandangan ini menekankan bahawa Ihsan bukan sahaja nilai yang bersifat spiritual tetapi juga praktikal untuk menjawab cabaran sosial dan politik masa kini.

Dengan merujuk kepada karya-karya kontemporari dan tradisional, jelas bahawa konsep Ihsan dalam Islam bukan sekadar satu ajaran teologi tetapi juga panduan komprehensif untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan beretika. Di Malaysia, penerapan nilai Ihsan dalam dasar awam dan pendidikan amat penting bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara yang lestari. Dengan mengambil kira keperluan moral dan sosial, Ihsan dapat berfungsi sebagai tonggak utama dalam mengatasi isu-isu kritis seperti ketidakadilan, rasuah, dan kemiskinan yang sering melanda masyarakat moden.

Penerapan Ihsan Dalam Masyarakat

Dalam masyarakat, Ihsan membawa makna yang lebih luas daripada sekadar perbuatan baik; ia merangkumi tanggungjawab sosial, peduli kepada orang lain, dan kesungguhan dalam melaksanakan sesuatu dengan niat yang ikhlas. Konsep ini mencerminkan keseimbangan antara aspek fizikal dan spiritual dalam kehidupan bermasyarakat. Ihsan bukan sekadar melakukan kebaikan tetapi juga melakukan sesuatu dengan kesempurnaan (*itqan*) dan penuh dedikasi seperti yang digariskan dalam hadis Nabi Muhammad SAW: “*Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan itqan (sebaik mungkin)*” (HR. Muslim).

Elemen Ihsan adalah merujuk kepada belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Menurut Shuhairimi Abdullah et al. (2022), Ihsan dapat diklasifikasikan kepada tiga bahagian utama: ihsan dari sudut perasaan, ihsan dari sudut nilai, dan ihsan dari sudut visi. Ihsan dari sudut perasaan melibatkan empati dan belas kasihan terhadap penderitaan orang lain. Misalnya, dalam membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan, masyarakat diajar untuk merasai keperluan mereka dan bertindak dengan penuh keikhlasan (Nur Najwa et al., 2020). Ihsan dari sudut nilai pula berkait dengan prinsip moral seperti kejujuran, amanah, dan integriti, yang menjadi asas dalam semua tindakan individu. Sementara itu, ihsan dari sudut visi adalah kebolehan untuk melihat masa depan yang lebih baik dengan usaha bersungguh-sungguh dalam membangunkan kesejahteraan kolektif (Anwar Ibrahim, 2023).

Dalam konteks bernegara, Ihsan memerlukan penghayatan nilai-nilai kasih sayang, empati, dan keadilan. Nilai-nilai ini penting untuk memastikan tindakan individu atau kerajaan tidak hanya berlandaskan undang-undang semata-mata, tetapi turut mengambil kira aspek moral dan kesan sosial. Anwar Ibrahim dalam Membangun Negara Madani (2023) menegaskan bahawa Ihsan adalah asas kepada pembentukan masyarakat Madani, yang menitikberatkan keadilan sosial, ketelusan, dan kesejahteraan bersama. Contohnya, program kebajikan seperti pemberian bantuan sara hidup dan subsidi adalah antara usaha praktikal yang mencerminkan Ihsan dalam pentadbiran negara.

Penguasa yang mengamalkan Ihsan akan sentiasa peka terhadap kepentingan kolektif dan berusaha untuk memastikan keadilan sosial tercapai. Ihsan dalam konteks ini menuntut sikap belas kasihan terhadap rakyat serta keprihatinan terhadap penderitaan golongan yang terpinggir atau tertindas. Abd Rahman Ahmad (2023) menyatakan bahawa Ihsan dalam bernegara

memerlukan tindakan yang teliti, penuh kesungguhan, dan berlandaskan kejujuran, dengan setiap keputusan yang diambil perlu mempertimbangkan kesan kepada pihak lain.

Nilai-nilai Ihsan juga mendorong individu dan masyarakat untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan dan sentiasa sensitif terhadap ketidakadilan. Sebaliknya, kemerosotan nilai Ihsan boleh mengakibatkan sikap zalim, gelojoh, dan tidak peduli kepada keadaan sekeliling. Kegagalan mengamalkan Ihsan dalam konteks bernegara sering kali dikaitkan dengan fenomena seperti rasuah, ketirisan dana awam, dan pengabaian terhadap hak-hak rakyat (Hussin et al., 2022). Lebih parah, kemerosotan nilai Ihsan juga boleh membawa kepada kerosakan alam sekitar apabila kepentingan peribadi mengatasi kepentingan kolektif. Ini dapat dilihat dalam isu pembalakan haram, pencemaran sungai, dan eksplorasi sumber alam tanpa kawalan (Zulfiani, 2008). Kesimpulannya, penerapan Ihsan dalam masyarakat dan negara bukan sahaja penting dari sudut moral, malah menjadi prasyarat bagi pembangunan yang berterusan dan lestari. Ihsan memastikan keseimbangan antara kemajuan material dan rohani, dengan memberi penekanan kepada prinsip keadilan, kasih sayang, dan tanggungjawab sosial. Oleh itu, masyarakat yang mengamalkan Ihsan akan lebih peka terhadap kebajikan individu dan kesejahteraan kolektif, sekaligus melahirkan persekitaran yang harmoni dan adil.

Minoriti Saudara Baru Masyarakat Malaysia

Di Malaysia mempunyai pelbagai lapisan masyarakat, khasnya golongan minoriti saudara baru. Menurut definisi, saudara baru adalah individu yang memeluk Islam dan meninggalkan agama asal (Azman et al., 2019). Selalunya golongan ini berdepan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan budaya baru dan meninggalkan budaya asal yang bertentangan dengan agama Islam. Hal ini memerlukan Ihsan dari pihak kerajaan untuk memastikan golongan ini tidak terabai dan lebih malang lagi teraniaya kerana sikap keluarga atau kejiran yang tidak prihatin. Perjalanan seorang mualaf boleh menjadi sukar, terutama apabila mereka berhadapan dengan tekanan daripada keluarga atau masyarakat asal mereka. Sikap ihsan yang ditunjukkan oleh komuniti Islam dapat memberikan sokongan emosi dan spiritual yang penting, seterusnya mengukuhkan keimanan mereka (Nur Najwa et al., 2020). Justeru itu, konsep Ihsan merupakan satu pendekatan yang sangat tepat dalam menangani golongan saudara baru di Malaysia. Penerapan Ihsan dalam kalangan saudara baru dapat diperhatikan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri menyediakan bantuan dari segi pendidikan agama, kaunseling, dan sokongan kewangan bagi meringankan beban yang mereka hadapi. Terdapat juga badan bukan kerajaan (NGO) seperti PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia) yang memainkan peranan penting dalam membela hak saudara baru, membantu mereka menjalani kehidupan baru dengan penuh keyakinan dan menyediakan platform untuk memantapkan keimanan serta integrasi sosial.

Selain bantuan institusi, pendekatan ihsan dalam komuniti juga memainkan peranan besar dalam menyokong saudara baru. Komuniti setempat yang menunjukkan keprihatinan dan empati dapat membantu mereka menyesuaikan diri dengan budaya Islam melalui program sokongan seperti kelas pengajian agama, sesi kaunseling, dan bimbingan mentor. Menurut Mohd Zuhaili (2023), pendekatan berteraskan ihsan melalui interaksi sosial dapat memupuk suasana yang inklusif dan menyokong, sekali gus mengurangkan rasa terasing dalam kalangan saudara baru. Peranan ini penting bagi memastikan mualaf tidak merasa terpinggir dan dapat menjalani kehidupan baru dengan lebih harmoni.

Dari sudut pendidikan, konsep Ihsan diterapkan melalui program pengukuhan akidah dan pengetahuan asas Islam yang disesuaikan mengikut keperluan saudara baru. Kursus-kursus

pengajian asas seperti fardu ain, pengajian al-Quran, dan pemahaman maqasid syariah sering kali menjadi platform utama dalam membina identiti Muslim yang mantap. Abdul Rahman Ahmad (2023) menegaskan bahawa program pendidikan ini perlu diterapkan dengan nilai ihsan, iaitu penyampaian ilmu yang bersifat inklusif, sabar, dan tidak menghakimi. Dengan adanya pendidikan yang komprehensif dan bersifat ihsan, saudara baru dapat membina keyakinan dalam beramal serta berinteraksi dengan masyarakat Islam.

Tambahan lagi, nilai ihsan dalam konteks ekonomi turut dapat membantu saudara baru melalui sokongan kewangan dan latihan kemahiran. Program pembangunan ekonomi yang disediakan oleh agensi seperti Lembaga Zakat Negeri dan institusi kewangan Islam memberi peluang kepada saudara baru untuk berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka. Inisiatif seperti pembiayaan mikro, latihan keusahawanan, dan bantuan modal niaga merupakan contoh penerapan nilai ihsan dalam memastikan golongan ini tidak terus berada dalam kesusahan. Menurut Shuhairimi Abdullah et al. (2022), pendekatan ekonomi berlandaskan ihsan dapat menjamin kesejahteraan saudara baru sambil memupuk sifat berdikari dan produktif dalam kalangan mereka. Kesimpulannya, penerapan nilai ihsan dalam kalangan saudara baru melibatkan pelbagai aspek seperti sokongan komuniti, pendidikan agama, dan pembangunan ekonomi. Kerjasama antara kerajaan, NGO, dan masyarakat setempat adalah kunci utama dalam memastikan saudara baru dapat menyesuaikan diri dan menjalani kehidupan yang lebih baik. Dengan pendekatan ihsan yang menyeluruh, cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dapat dikurangkan, sekali gus mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni.

Nilai-Nilai Ihsan dalam Kehidupan Bernegara

1. Peka dan Waspada: Ihsan menuntut agar setiap individu, terutamanya pemimpin, sentiasa peka terhadap keperluan dan permasalahan masyarakat. Prinsip ini berlandaskan maqasid syariah yang memberi keutamaan kepada kemaslahatan umum dalam setiap tindakan. Menurut al-Ghazali (2008), maqasid syariah mencakupi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, yang semuanya memerlukan sikap peka dan waspada dari pemimpin dan rakyat. Anwar Ibrahim (2023) menegaskan bahawa dalam konteks Masyarakat Madani, sikap kepekaan terhadap isu-isu sosial seperti kemiskinan dan ketidaksamarataan perlu dijadikan keutamaan. Pemimpin yang berlandaskan nilai ihsan akan memastikan kebijakan masyarakat sentiasa terjaga melalui dasar-dasar yang inklusif.
2. Menyayangi Semua Makhluk: Konsep ihsan tidak hanya terbatas kepada hubungan sesama manusia, tetapi turut mencakupi hubungan manusia dengan makhluk lain seperti haiwan dan alam sekitar. Anwar Ibrahim (2022) menyatakan bahawa ihsan adalah asas kepada perlakuan manusia yang adil dan belas kasihan terhadap semua makhluk, tanpa mengira status, bangsa, atau agama. Ini selari dengan pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996) yang menegaskan bahawa seseorang Muslim harus menunjukkan kasih sayang bukan sahaja terhadap manusia, tetapi juga haiwan dan tumbuhan. Amalan ini dapat dilihat dalam ajaran Rasulullah SAW yang menyeru umat Islam untuk memelihara alam sekitar dan melindungi hak semua makhluk ciptaan Allah.
3. Sensitif terhadap Kepincangan: Nilai ihsan mendorong masyarakat untuk sentiasa peka dan kritis terhadap kepincangan yang berlaku dalam masyarakat, seperti ketidakadilan dan penindasan. Anwar Ibrahim (2023) dalam bukunya Membangun Negara Madani menyatakan bahawa masyarakat yang mengamalkan ihsan akan berusaha membela golongan tertindas dan memperjuangkan keadilan sosial. Hal ini turut ditegaskan oleh Sayyid Qutb (1991), yang menyatakan bahawa Islam menolak sebarang bentuk kezaliman dan penindasan kerana ia bertentangan dengan prinsip ihsan dan keadilan. Sebagai contoh, tindakan proaktif seperti

pemberian subsidi dan bantuan kewangan kepada golongan miskin serta perundungan yang adil adalah langkah-langkah ihsan dalam menangani kepincangan sosial.

4. Integrasi Nilai Ihsan dalam Dasar Awam: Penerapan ihsan dalam kehidupan bernegara melibatkan pembentukan dasar awam yang berlandaskan prinsip moral dan keadilan. Kerajaan digesa untuk memastikan setiap dasar dan inisiatif yang diperkenalkan mengambil kira kebajikan rakyat serta kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan sosial dan ekonomi. Al-Mawardi (2015) dalam *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* menekankan bahawa pemimpin bertanggungjawab memastikan keadilan dilaksanakan melalui dasar-dasar yang tidak memihak kepada golongan tertentu sahaja. Sebagai contoh, program bantuan seperti zakat, waqaf, dan subsidi adalah manifestasi nilai ihsan dalam memastikan keseimbangan ekonomi dan sosial tercapai.

5. Ihsan sebagai Asas Kestabilan Politik dan Ekonomi: Nilai ihsan turut menjadi asas kestabilan politik dan ekonomi dalam sesebuah negara. Pemimpin yang mengamalkan ihsan akan memastikan keputusan politik dan ekonomi dibuat dengan penuh integriti, telus, dan berpandukan kepentingan rakyat. Menurut Ibn Khaldun (2005) dalam *Muqaddimah*, kestabilan sesebuah tamadun bergantung pada nilai moral dan etika pemimpin serta rakyatnya. Amalan rasuah, ketidaktelusan, dan salah guna kuasa adalah antara manifestasi kemerosotan nilai ihsan dalam pentadbiran yang akhirnya membawa kepada keruntuhan negara. Oleh itu, ihsan menjadi tunjang dalam membentuk pemerintahan yang adil dan berintegriti.

Implikasi Kemerosotan Nilai Ihsan

Kemerosotan nilai Ihsan memberi kesan yang mendalam dalam aspek sosial, politik, dan alam sekitar. Apabila nilai ihsan diabaikan, masyarakat cenderung memamerkan sikap individualistik yang mementingkan kepentingan peribadi berbanding kesejahteraan bersama. Menurut Anwar Ibrahim (2022), ketiadaan ihsan membawa kepada keruntuhan nilai moral, yang akhirnya melahirkan masyarakat yang tidak peduli terhadap penderitaan dan hak orang lain. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan jenayah sosial seperti rasuah, ketidakadilan ekonomi, dan diskriminasi terhadap golongan yang lebih lemah. Pemimpin yang tidak mengamalkan ihsan akan cenderung untuk menyalahgunakan kuasa, menindas rakyat, dan memecahbelahkan perpaduan masyarakat.

Dari sudut politik, kemerosotan nilai ihsan mengakibatkan amalan rasuah dan penyelewengan menjadi budaya dalam sesebuah pemerintahan. Ibn Khaldun (2005) dalam *Muqaddimah* menyatakan bahawa keruntuhan sesebuah tamadun bermula apabila pemimpin gagal mengamalkan keadilan dan nilai ihsan. Tanpa ihsan, keputusan politik sering dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau kelompok tertentu, sekali gus menyebabkan ketidakseimbangan dalam pengagihan sumber dan kekayaan negara. Sayyid Qutb (1991) turut menekankan bahawa pemerintahan yang tidak berpaksikan ihsan akan membawa kepada penindasan dan ketidakstabilan politik kerana rakyat kehilangan kepercayaan terhadap pemerintah.

Kemerosotan nilai ihsan juga memberikan implikasi serius terhadap alam sekitar. Apabila sifat ihsan terhadap alam sekitar diabaikan, eksloitasi sumber semula jadi secara berlebihan dan tidak terkawal akan berlaku. Rasulullah SAW dalam hadisnya menegaskan kepentingan memelihara alam sekitar sebagai amanah daripada Allah SWT. Namun, realitinya, ketamakan manusia dalam mengejar keuntungan material telah mengakibatkan kerosakan ekologi seperti pembalakan haram, pencemaran sungai, dan perubahan iklim global (Ibn Qayyim, 1996). Ketiadaan ihsan terhadap alam sekitar ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan semasa tetapi turut memusnahkan peluang generasi akan datang untuk menikmati sumber alam yang sama.

Dari perspektif sosial, kemerosotan nilai ihsan menyebabkan keretakan hubungan antara anggota masyarakat. Sikap tidak peduli dan individualistik menimbulkan perasaan tidak puas hati dan ketidakpercayaan antara golongan kaya dan miskin, yang akhirnya menyemarakkan jurang ekonomi dan sosial. Menurut Al-Mawardi (2015) dalam Al-Ahkam al-Sultaniyyah, masyarakat yang tidak mengamalkan ihsan akan kehilangan keupayaan untuk bersatu dan bertolak ansur. Hal ini boleh dilihat dalam masalah kemiskinan bandar, penghijrahan golongan muda, dan pengabaian hak golongan minoriti.

Akhir sekali, kemerosotan nilai ihsan turut memberi kesan kepada pembangunan moral dan spiritual individu. Apabila ihsan diketepikan, individu cenderung hidup tanpa hala tuju yang jelas dan mudah terpengaruh dengan budaya hedonisme serta materialisme. Menurut Imam Al-Ghazali (2008) dalam Ihya Ulum al-Din, ihsan adalah punca ketenangan jiwa yang membawa individu kepada kebahagiaan hakiki. Tanpa ihsan, jiwa manusia akan kosong dan penuh dengan ketamakan, yang akhirnya merosakkan keharmonian hidup bermasyarakat.

Kata Ihsan berasal daripada bahasa Arab dengan akar kata ح-س-ن yang bermaksud baik atau cantik. Menurut Mahmud (1972), Ihsan merujuk kepada sesuatu yang baik dan bagus, manakala Abd Rauf et al. (2005) menambah bahawa Ihsan juga membawa maksud kecantikan, keindahan, dan keayuan. Akar kata ini melahirkan pelbagai terbitan seperti أحسن (ah.sa.na) yang bermaksud memperelokkan atau berbuat baik, serta إحسان (ih.sā.nā) yang membawa maksud tindakan melakukan kebaikan.

Jadual 1: Variasi Akar Kata حسن ha.sa.na

| Variasi Akar Kata | Transliterasi | Makna |
|---------------------------------|------------------------------------|-------------------------|
| حسن | ha.sa.na | Cantik, Baik |
| تَحْسِّن | ta.has.sa.na | Membuat lebih baik |
| إِسْتَخْسَنَ | is.tah.sa.na | Menganggap baik |
| أَحْسَنَ | al.ah.san | Menjadi lebih baik |
| الإِسْتُهْسَانُ | al.is.tih.san | Preferensi |
| الثَّحَاسِينُ | at.ta.haa.sii.n | Saling memperbaiki |
| الْحُسْنَيَانُ | al.hus.na.yan | Dua kebaikan |
| الْحَسَنَةُ | al.ha.sa.nah | Kebaikan, pahala |
| الْمُحْسِنَةُ | al.muh.sa.nah | Orang yang berbuat baik |
| الْمُحْسِنُونَ | al.mu.has.sin | Orang yang baik |
| الْحُسْنُ | al.hus.naa | Kecantikan, kebagusan |
| الْمُحَسَّنَاتُ الْلُّغَوِيَّةُ | al.mu.has.si.naa.t al.la.f.ziy.yah | Penghiasan linguistik |
| المحسان | al.mi.hs.an | Kecantikan sejati |

Kata حسن (ha.sa.na) membawa makna asas seperti “cantik” atau “baik.” Penggunaannya mencerminkan sesuatu yang secara inheren bersifat positif, baik dari aspek fizikal maupun moral. Dalam konteks al-Quran, makna ini menunjukkan kesempurnaan yang dikehendaki dalam ciptaan atau perbuatan. Misalnya, ciptaan Allah yang terbaik atau perintah untuk memperbaiki amalan. Dimensi ini sangat relevan dalam mencerminkan nilai-nilai kesempurnaan yang ditekankan dalam Islam.

تَحْسِّن (ta.has.sa.na), yang bermaksud “membuat lebih baik,” menunjukkan usaha aktif untuk memperbaiki keadaan atau diri sendiri. Ia menekankan aspek dinamik Ihsan, di mana seseorang tidak hanya menerima keadaan seadanya tetapi berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih

baik. Dalam konteks kehidupan, ini mengajarkan pentingnya memperbaiki hubungan sesama manusia dan memperbaiki diri demi mendapatkan keredaan Allah.

Akar kata **إِسْتَخْسَنَ** (is.tah.sa.na), yang bermaksud “menganggap baik,” merujuk kepada penilaian atau pemilihan terhadap sesuatu yang baik atau positif. Dalam kehidupan harian, konsep ini dapat diterjemahkan sebagai kemampuan untuk mengenal pasti dan memilih perkara yang lebih bermanfaat, baik dalam perbuatan maupun keputusan. Hal ini juga menjadi panduan dalam memilih jalan yang paling Ihsan dalam sebarang tindakan.

Sementara itu, kata **أَحْسَنَ** (al.ah.san), yang bermaksud “menjadi lebih baik,” menunjukkan aspek transformatif Ihsan. Dalam konteks sosial, ia mencerminkan bagaimana Ihsan mendorong masyarakat untuk terus meningkatkan taraf kehidupan dengan memastikan keadilan dan kasih sayang menjadi teras. Istilah ini turut digunakan dalam al-Quran untuk merujuk kepada amal soleh dan tindakan yang membawa kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain.

Terakhir, **الْحُسْنَيَانَ** (al.hus.na.yan), yang bermaksud “dua kebaikan,” membawa makna keseimbangan antara kebaikan dunia dan akhirat. Dalam konteks ini, ia mengingatkan manusia bahawa Ihsan bukan sahaja tertumpu kepada perkara duniawi, tetapi juga memberi perhatian kepada keutamaan ukhrawi. Konsep ini menjadi asas kepada cara Muslim menjalani kehidupan yang seimbang, di mana tindakan mereka memberi manfaat kepada kedua-dua aspek.

Akar kata ح-س-ن melahirkan banyak variasi kata dalam al-Quran yang menunjukkan pelbagai dimensi Ihsan. Sebagai contoh, kata ḥasan digunakan dalam konteks menyatakan sesuatu yang indah atau baik, seperti dalam Surah Al-Baqarah ayat 195: “Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah (ihsan); sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.” Ayat ini menunjukkan kaitan langsung antara Ihsan dengan kebaikan dalam tindakan dan niat.

Selain itu, kata ah.san turut digunakan untuk menekankan pentingnya memperbaiki keadaan atau memperindah sesuatu perkara. Dalam Surah Al-Isra ayat 7, Allah berfirman: “Jika kamu berbuat baik (ihsan), maka kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri; dan jika kamu berbuat jahat, maka (kejahatan itu) bagi dirimu sendiri.” Ayat ini menegaskan bahawa Ihsan bukan hanya bermanfaat untuk orang lain, tetapi juga memberi kesan positif kepada pelaku itu sendiri.

Terbitan lain daripada akar kata ini, seperti muḥsinīn, digunakan sebanyak 34 kali dalam al-Quran untuk merujuk kepada orang-orang yang berbuat baik. Contohnya, dalam Surah Yusuf ayat 78, para saudara Nabi Yusuf memuji baginda sebagai seorang yang termasuk dalam golongan muḥsinīn (orang yang sentiasa berbudi). Hal ini menggambarkan bahawa Ihsan bukan sekadar amalan biasa, tetapi juga sifat unggul yang diiktiraf oleh masyarakat sekeliling.

Menurut tafsir klasik seperti Tafsir al-Jalalayn oleh al-Mahallī, & al-Suyūti (2007), penggunaan kata Ihsan dalam al-Quran sering kali dikaitkan dengan hubungan manusia dengan Allah (hablun min Allah) dan hubungan manusia dengan manusia (hablun min al-nas). Dimensi ini menunjukkan bahawa Ihsan merangkumi aspek spiritual dan sosial, menjadikannya konsep yang komprehensif dalam pandangan Islam. Tafsir al-Mawardi pula menekankan bahawa Ihsan adalah tingkatan iman tertinggi yang membawa individu kepada kesempurnaan akhlak dan amal.

Kesimpulannya, asal usul kata Ihsan dan penggunaannya dalam al-Quran menggambarkan kedalaman makna konsep ini. Ihsan tidak hanya melibatkan perbuatan baik tetapi juga keikhlasan niat, kesungguhan dalam beramal, dan kepekaan terhadap keperluan orang lain. Dalam konteks al-Quran, Ihsan adalah elemen penting dalam membentuk individu yang bukan sahaja beriman tetapi juga memberi manfaat kepada masyarakatnya.

Penggunaan Ihsan dalam Al-Quran

Konsep Ihsan yang disebut dalam al-Quran sering kali dikaitkan dengan tindakan kebaikan yang memperbaiki keadaan. Dalam Surah Ghafir ayat 64, al-Quran menyatakan: "Dan Ia membentuk kamu lalu memperelokkan rupa kamu." Ayat ini menonjolkan salah satu dimensi Ihsan, iaitu memperelokkan sesuatu, sama ada dari segi fizikal, moral, atau spiritual. Tafsir al-Jalalayn menjelaskan bahawa penggunaan istilah ahsana dalam ayat ini merujuk kepada sifat Allah yang mencipta manusia dalam bentuk yang terbaik, sekaligus mengingatkan manusia untuk mencontohi kebaikan ini dalam amal perbuatan mereka. Selain itu, Surah al-Isra' ayat 7 menyebut: "*Jika kamu berbuat kebaikan (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu sendiri.*" Ayat ini mengajarkan bahawa Ihsan bukan sahaja memberi manfaat kepada orang lain tetapi juga kepada pelakunya sendiri. Ibn Kathir dalam tafsirnya menekankan bahawa ayat ini menghubungkan Ihsan dengan konsep ganjaran di akhirat, di mana setiap amal kebaikan akan mendatangkan manfaat berlipat ganda kepada pelakunya.

Istilah muhsin dan muhsinīn, yang merupakan kata terbitan daripada Ihsān, disebut sebanyak 34 kali dalam al-Quran (Azman dan Ahmad Nazuki, 2011). Dalam Surah Yusuf ayat 78, istilah muhsin diterjemahkan sebagai "berbudi": "*Sesungguhnya kami memandangmu dari orang-orang yang sentiasa berbudi.*" Penggunaan istilah ini dalam konteks ayat ini menunjukkan dimensi kebaikan dalam interaksi sosial, di mana Nabi Yusuf diakui sebagai individu yang memiliki sifat mulia dan bermanfaat kepada masyarakatnya.

Tambahan lagi, Surah al-Maidah ayat 93 juga menggunakan istilah muhsinīn untuk merujuk kepada orang-orang yang berbuat baik, dengan penekanan pada amal soleh yang dilakukan dengan ikhlas. Tafsir al-Mawardi menyatakan bahawa Ihsan dalam ayat ini mencakupi perbuatan yang dilakukan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan sosial tetapi juga untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Dalam konteks yang lebih luas, Ihsan dalam al-Quran sering kali dikaitkan dengan dua hubungan utama: hubungan manusia dengan Allah (hablun min Allah) dan hubungan manusia dengan sesama manusia (hablun min al-nas). Dimensi ini menunjukkan bahawa Ihsan bukan sahaja sebuah amalan sosial tetapi juga ibadah spiritual. Oleh itu, al-Quran menonjolkan Ihsan sebagai konsep komprehensif yang menjadi asas kepada keseimbangan individu dan masyarakat.

Penutup

Kesimpulannya, Ihsan adalah konsep Islam yang mendalam, bukan sahaja meliputi amal baik tetapi juga mencerminkan kesempurnaan dalam niat dan tindakan. Analisis akar kata "ح-س-ن" dalam bahasa Arab menunjukkan pelbagai dimensi makna seperti kebaikan, keindahan, dan memperbaiki keadaan. Penggunaan istilah ini dalam al-Quran menggariskan kepentingan Ihsan dalam kehidupan manusia sebagai jalan menuju keseimbangan antara pembangunan spiritual dan material.

Dalam al-Quran, istilah seperti ahlan dan muhsinīn kerap digunakan untuk menekankan keperluan berbuat baik dengan penuh dedikasi dan keikhlasan. Surah Al-Baqarah, ayat 195, misalnya, mengaitkan Ihsan dengan sifat Allah yang menyukai orang-orang yang berbuat baik. Selain itu, Surah Al-Isra', ayat 7, menegaskan bahawa Ihsan membawa manfaat kepada pelaku dan orang sekeliling, menjadikannya asas untuk kesejahteraan individu dan masyarakat.

Dalam konteks kehidupan bernegara, Ihsan berfungsi sebagai panduan moral untuk pentadbiran yang adil dan lestari. Pemimpin yang menghayati nilai ini akan memastikan setiap keputusan politik dan ekonomi dibuat demi kemaslahatan umum, selaras dengan maqasid syariah. Penerapan Ihsan dalam dasar seperti pemberian subsidi, zakat, dan pembangunan sosial mencerminkan usaha untuk mencapai keharmonian dan keadilan sosial yang dianjurkan oleh al-Quran.

Kemerosotan nilai Ihsan membawa implikasi serius kepada masyarakat dan alam sekitar, seperti yang disebut dalam al-Quran. Tanpa Ihsan, manusia cenderung kepada kezaliman dan kerosakan, termasuk eksloitasi sumber alam secara tidak bertanggungjawab. Surah Yusuf, ayat 78, mengiktiraf sifat muhsinīn sebagai ciri individu yang unggul, manakala Surah Al-Maidah, ayat 93, menunjukkan bahawa amal baik yang dilakukan dengan Ihsan dapat memperbaiki hubungan antara manusia dan Allah.

Oleh itu, Ihsan bukan sekadar konsep moral tetapi juga panduan menyeluruh untuk membentuk tamadun yang makmur, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadis. Dengan menghayati Ihsan, individu, masyarakat, dan negara dapat menegakkan prinsip keadilan, kasih sayang, dan tanggungjawab sosial. Ihsan menjadi teras kepada keseimbangan antara kepentingan dunia ni dan ukhrawi, menjadikannya asas kepada pembangunan yang lestari dan berkat.

Penghargaan

Para penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FRGS/1/2023/SS10 UITM/02/26 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana untuk penyelidikan yang dijalankan.

Rujukan

- Abdul Rauf Hassan, Abdul Halim Salleh, & Khairul Amin Mohd Zain, (2005). *Kamus Bahasa Melayu -Bahasa Arab: Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Abd Rahman Ahmad. (2023). *Minda Madani: Pemahaman dan Pelaksanaan*. Hulu Bernam: Juwara Solution Sdn.
- Abdullah Muhammad Basmeih, (1995). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwa Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2008). *Ihya Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mahallī, Jalāluddin Muḥammad bin Aḥmad & al-Suyūṭī Abu al-Faḍl ‘Abdur Raḥmān bin Abū Bakar bin Muḥammad Jalāluddīn. (2007). *Tafsir al-Jalalayn*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Mawardi, A.H. (2015). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, A. H. (2015). *Al-Nukat wa al-Uyun*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Anwar Ibrahim, (2023). Membangun negara madani: Visi dan kerangka negara bangsa. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Azman Che Mat & Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub, (2011). Terjemahan Istilah “Muhsinin” dalam Tafsir al-Quran al-Karim: Satu Penilaian. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13*, 701-708.
- Azman Che Mat, Azarudin Awang, Ruhaizah Abdul Ghani & Razali Musa. (2019). Beberapa Istilah Terjemahan Saudara Baru: Satu Analisis Komponen Makna. Dalam Azri Bhari, Mohammad Mahyuddin Khalid & Mohd Ashrof Zaki Yaakob. *Memperkasakan Potensi Muallaf Era Kontemporari*. Shah Alam: ACIS UiTM, LSZ Selangor, KUIS Selangor. 133-154.
- Budiarto R, (2020). Masyarakat Madani Menurut Pandangan Azyumardi Azra. Tesis sarjana muda di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Ibn Khaldun. (2005). *Muqaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, I. (2000). *Tafsīr Ibn Kathir*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1996). *Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (KBAMD). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Yunus, (1973). *Kamus Arab Indonesia*. Jakarta: Yayasan Penyelengaraan Penterjemahan/Pentafsiran al-Quran.
- Mahmud, A. (1972). *Mufradat Alfāz Al-Quran*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Mohd Herzali Muhammad Haled, (2021). Masyarakat Madani Menurut Islam dalam Konteks Al-Ta’ayush di Malaysia. Dalam Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail Mazlan Che Soh. *Islam Dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 27-46.
- Mohd Zuhaili Kamal Basir. (2023). Kesepadan Model Bimbingan Al-Ghazali Dan Ibnu Khaldun Dalam Pelaksanaan Program Dakwah Mualaf. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference*. (14), 228-238.
- Muhammad Amsyar Azman & Nurulhasanah Abdul Rahman. (2023). Penerapan Konsep Malaysia MADANI dalam Dasar Awam: Membudayakan Harmoni dalam Kepelbagaiannya. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*. 5(4), 29-53.
- Muhammad Quraish Shihab. (2005). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Nur Najwa Hanani Abdul Rahman, Akmaliza Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Wafa Ahmad, (2020) Hubungan Emosi dan Akhlak dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam (Relation Between Emotions and Morality in Muallafs' Family Relationship after the Conversion). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2),55-66.

Nur Najwa Hanani Abdul Rahman, Akmaliza Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Wafa Ahmad, (2020) Hubungan Emosi dan Akhlak dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam (Relation Between Emotions and Morality in Muallafs' Family Relationship after the Conversion). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2),55-66.

Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin, Tunku Salha Tunku Ahmad, Nurul Naimah Rose, Siti Nor Ayu Basir AAA& AJR (2022) Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2, 240–249.

Sayyid Qutb. (1991). *Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Shuruq.

Zulfiani, A, (2008). Pemikiran Anwar Ibrahim tentang Konsep Masyarakat Madani dan Relevansinya dengan Politik di Malaysia. Tesis ijazah sarjana muda dari Repositori Institusi Universitas Sumatera Utara (RI-USU).